

SOALAN NO. 60**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERTHORMAT

TARIKH : 27 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan memanjangkan tempoh jawatan IGP dan Ketua Hakim Negara. Jika ya, apakah sebab untuk berbuat demikian walaupun mereka telah mencapai umur persaraan. Adakah langkah tersebut akan menjejaskan semangat orang lain kerana peluang untuk kenaikan pangkat telah dimansuhkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Fasal (1) Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat YAB Perdana Menteri dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja yang bersidang pada 24 dan 25 Mei 2017 telah memperkenankan YAA Tan Sri Dato' Seri Md Raus bin Sharif yang sebelum ini telah dilantik sebagai hakim tambahan bagi Mahkamah Persekutuan untuk tempoh 3 tahun mulai 4 Ogos 2017 di bawah Fasal (1A) Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan, terus memegang jawatan Ketua Hakim Negara mulai tarikh dan untuk tempoh yang sama.

YAB Perdana Menteri sebelum memberi nasihat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas pelantikan YAA Tan Sri Dato' Seri Md Raus bin Sharif sebagai Ketua Hakim Negara telah mendapat pandangan daripada Anggota Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlantikan YAA Tan Sri Dato' Seri Md Raus bin Sharif sebagai hakim tambahan Mahkamah Persekutuan setelah mencapai umur 66 tahun dan 6 bulan adalah atas sembah cadangan dan nasihat Ketua Hakim Negara pada ketika itu, YAA Tun Arifin bin Zakaria kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 30 Mac 2017 sebelum YAA Tun Arifin bin Zakaria bersara. Cadangan dan nasihat itu telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaras dengan Fasal (1A) Perkara 122 Perlembagaan Persekutuan.

Pelantikan ini bertujuan untuk mengekalkan pengalaman dan kepakaran perundangan beliau dalam menerajui Badan Kehakiman negara. Dalam hubungan ini, pelanjutan tempoh perkhidmatan sesuatu perjawatan tidak menafikan peluang kenaikan pangkat kerana kenaikan pangkat adalah berdasarkan merit.

Selain itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jawatan Ketua Polis Negara merupakan jawatan yang ditetapkan sebagai jawatan khas di bawah **Fasal 4 dan Fasal 5 Perkara 140 di bawah Pelembagaan Persekutuan** yang mana lantikan ke jawatan ini adalah tertakluk kepada

perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas perakuan Suruhanjaya Pasukan Polis dan dengan nasihat YAB Perdana Menteri.

Jawatan ini perlu disandang oleh pegawai kanan polis yang cekap, berhemah tinggi, berwibawa serta berpengalaman luas dalam bidang kepolisan dan pengurusan bagi memimpin pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pada masa ini Suruhanjaya Pasukan Polis masih belum menerima apa-apa makluman bagi memanjangkan tempoh jawatan Ketua Polis Negara pada masa ini atau pelantikan Ketua Polis Negara yang baru.

Sekian, terima kasih.